

# Industri animasi janjikan kekayaan

## Sokongan kerajaan, agensi berkaitan mampu rangsang pertumbuhan

Oleh Mohamad Sofee Razak

**S**ARANAN Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak baru-baru ini agar golongan muda menjadikan bidang animasi sebagai alternatif kerjaya baru, perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak. Kerjaya ini dilihat mampu menawarkan pendapatan dan pulangan lumayan.

Ketika ramai bercita-cita menjadi peguam, doktor, akauntan, jurutera dan sebagainya, tanpa disedari kerjaya dalam industri animasi mampu berkembang, berdaya saing, popular dan mempunyai nilai besar menembusi pasaran global.

Menurut TPM, golongan muda perlu melihat peluang dan ruang dalam sektor animasi kerana ia menjanjikan limpahan serta kekayaan luar biasa.

Industri animasi tidak seharusnya dilihat pada karektor kartun semata-mata, malah ia merangkumi dimensi yang lebih luas termasuk animasi dalam pendidikan multimedia, permainan dan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

Dilaporkan Korea Selatan berjaya mengexport kandungan animasi bernilai AS\$700 juta pada 2005 berbanding hanya AS\$70 juta pada 1997.

Negara itu kini menguasai lebih 30 peratus pasaran animasi global dan bakat animasi mereka sentiasa diburu industri animasi Amerika Syarikat (AS) dan Eropah. Sebahagian besar daripada mereka dibayar gaji ratusan ribu dolar.

Dijangkakan industri kreatif multimedia global mencapai nilai RM2.3 trilion menjelang 2010, manakala industri animasi dianggarkan bernilai kira-kira RM280 bilion.

Industri animasi negara dipercayai bermula dengan penubuhan Malaya Film Unit (MFU) pada 1946 dan kamera animasi pertama yang dibawa masuk dari Sri Lanka menandakan permulaan dan bertapaknya industri ini di negara kita.

Animasi pertama yang diterbitkan di negara kita ialah *Hikayat Sang Kancil* pada 1978, diikuti dengan *Monyet dan Buaya* pada 1983. Sejak itu, industri ini berkembang dengan adanya peralatan, teknologi dan inovasi dari negara Barat terutama Perancis yang membawa era baru animasi negara dalam animasi empat dimensi, khusus pada pertengahan tahun 1990-an.

Industri animasi AS bermula pada awal 1900 dengan J Stuart Blackton sebagai pereka pertamanya. Pada 1908, Emile Cohl berjaya menerbitkan filem pertamanya bertajuk *Fastasmagorie*. Industri ini berkembang maju dan terus mendominasi pasaran

### INFO

#### Industri animasi

- Korea Selatan mengeksport kandungan animasi AS\$700 juta pada 2005 berbanding AS\$70 juta pada 1997.
- Dijangkakan industri kreatif multimedia global mencapai RM2.3 trilion menjelang 2010, manakala industri animasi dianggarkan kira-kira RM280 bilion.
- Industri animasi negara bermula dengan penubuhan Malaya Film Unit (MFU) pada 1946.
- Animasi pertama diterbitkan di Malaysia ialah *Hikayat Sang Kancil* pada 1978, diikuti *Monyet dan Buaya* pada 1983.
- Industri animasi AS bermula pada awal 1900 dengan J Stuart Blackton sebagai pereka pertamanya dan industri animasi Perancis berkembang sejak 1918.

global sehingga hari ini. (<http://en.wikipedia.org/wiki/Animation>)

Industri animasi Perancis pula berkembang sejak 1918, dengan penerbitan filem animasi pendek pertama negaranya. Sejak itu, industri animasi Perancis melangkah jauh ke hadapan dan melahirkan pengaruh serta pereka bentuk yang mampu menawarkan khidmat dan kemudahan kepada studio besar seperti Walt Disney (Seminar Kupas Senario Dunia Animasi, Berita Harian, 8/12/2004).

Filem animasi tempatan pertama ialah *Silat Legenda* dengan kos produksi RM3.5 juta. Filem ini mengambil masa dua tahun untuk disiapkan dan ditayang kepada umum pada 27 Ogos 1998. Dengan menggunakan teknologi animasi terkini dan canggih, filem *Putih* diterbitkan pada 2001.

Kedua-dua filem animasi ini membuktikan rakyat Malaysia juga kreatif, inovatif dan setanding negara maju lain dalam industri ini.

Di samping itu, ada juga kartun animasi tempatan seperti *Usop Sontoria* (1996-1998), *Anak-Anak Sidek* (1997-2004), *Kluang Man* dan sebagainya yang berjaya men-

dapat tempat di saluran utama televisyen tempatan, walaupun terpaksa bersaing dengan kartun animasi *Transformer*, *Ultra-man*, *Doraemon* dan pelbagai kartun animasi negara asing.

Walaupun hampir 90 peratus rancangan animasi di saluran utama televisyen negara didominasi animasi dari AS, Jepun dan Korea, pasaran dan masa hadapan animasi terbitan tempatan mampu berkembang pesat.

Sokongan daripada pihak kerajaan menerusi Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas) dan Persatuan Animasi Malaysia (Animas), amat diperlukan bagi menjayakan dan meningkatkan potensi industri ini. Di samping itu, kualiti animasi tempatan juga hendaklah setanding standard pengeluar negara asing.

Geran atau pembiayaan dana produksi oleh pihak kerajaan dan badan kewangan serta promosi yang betul, mampu merangsang pertumbuhan industri lumayan ini pada masa hadapan.


Di samping itu juga, sokongan berterusan stesen televisyen kerajaan seperti RTM1 dan RTM2, serta swasta seperti Astro, TV3, TV9, TV8 dan NTV7 amat diperlukan agar industri animasi negara tidak dianaktiri dan diabaikan.

Setakat ini, ada beberapa institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) menyediakan kursus pengajian serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang animasi seperti Universiti Teknologi Mara (UITM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Kolej Universiti Lim Kok Wing (KULKW), Universiti Tun Abdul Razak (Unitar) dan Universiti Multimedia.

Bagi golongan muda dan lepasan sekolah, peluang keemasan mempelajari dan mendalami industri animasi, tidak boleh dilepaskan begitu saja.

Mentaliti bahawa kursus animasi hanya untuk pelajar lemah dan berkelulusan rendah dalam peperiksaan serta tiada masa hadapan dan peluang kerja perlu segera diubah.

Mungkin suatu hari nanti kita bakal melihat dunia animasi kita menandingi *Shrek*, *Robot*, *Lion King*, *Finding Nemo* dan sebagainya. Penubuhan Pusat Animasi Malaysia Koridor Raya Multimedia (MSC) baru-baru ini diharapkan mampu menjaga dan memimpin industri animasi negara pada landasan yang betul.



KREATIF DAN INOVATIF: Animasi cerita Katak Oh Katak antara ciptaan yang membuktikan rakyat Malaysia setanding negara maju lain.

GAMBAR: HAKIMI BERTERA HARIAN

Penulis Iuliana Sarjana Komunikasi MASA UITM dan kini bertugas sebagai peguam bela dan peguam cara